

Pesawat hilang semasa dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China pada 8 Mac 2014

# Kehilangan MH370 kekal misteri

KUALA LUMPUR

Sebelum enam tahun pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 hilang daripada imbasan radar semasa dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China.

Walaupun lama telah berlalu, dunia masih buntu tentang apa yang sebenarnya berlaku terhadap pesawat berkenaan.

Keluarga seramai 239 penumpang dan anak kapal pesawat Boeing 777 itu masih menanti pengakhiran episod tragis itu.

Malah, penemuan beberapa serpihan daripada sayap dan fiuselaj pesawat di Lautan Hindi berhampiran perairan pantai barat daya Afrika menimbulkan lebih banyak persoalan mengenai bagaimana pesawat berkenaan boleh menyimpang jauh daripada laluan asalnya.

Bagi mereka yang kehilangan orang tersayang yang berada di dalam pesawat tersebut, enam tahun merupakan tempoh penantian yang menyeksakan bagi mendapatkan jawapan dan setiap kali ulang tahun kehilangan pesawat itu, keluarga dan sahabat akan mengenang nasib



DR MOHD HARRIDON

mereka yang hilang itu.

Pencarian secara meluas oleh pelbagai negara dijalankan sejurus selepas pesawat berkenaan hilang dan pencarian khusus kemudiannya menggunakan peralatan laut dalam yang canggih selama berbulan-bulan juga gagal untuk menemui bukti yang mencukupi untuk merungkai teka-teki.

Bagaimanapun, terdapat ura-ura pada awal tahun ini, usaha pencarian yang dihentikan itu akan disambung semula beberapa bulan lagi.

Mengulas mengenai perkembangan terkini



MH370: Isteri luah 'tiada kubur, tiada pesan'



Luahan hati isteri kepada pramugara MH370, Mohd Hazrin Mohamed Hasnan iaitu Intan Malzura Othaman di Instagram beliau pada 6 Mac lalu.

itu, pakar penerbangan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Profesor Dr Mohd Harridon Mohamed Suffian berkata, sebarang penyambungan semula pencarian perlu berdasarkan kepada petunjuk baharu yang boleh dipercayai yang kini belum wujud.

"Kita perlu merancang pencarian, bukannya memperkatakan (mengenai sentimen) dan terlibat dalam kerja sia-sia.

"Kita tidak boleh memberi harapan palsu yang boleh mendatangkan lebih banyak rasa tidak puas hati kepada waris mangsa," katanya di sini baru-baru ini.

Setiap tahun ada sahaja teori baharu muncul mengenai MH370 dan akan dipatahkan oleh pihak berkuasa sama ada dari Malaysia, China atau Australia iaitu pihak yang terlibat dalam usaha mencari pesawat yang hilang itu.

Sehingga kini, Kementerian Pengangkutan juga belum membuat sebarang keputusan untuk memulakan kembali pencarian kerana tiada petunjuk baharu.

Kementerian juga perlu berunding dengan China dan Australia sekiranya keputusan dibuat untuk melancarkan semula pencarian.

## 'Perlu bukti baharu yang cukup kuat'

PENYIASAT penerbangan, Kapten (B) Abdul Rahmat Omar Tun Mohd Haniff berkata, Kementerian Pengangkutan tepat dalam keputusan tidak menjalankan pencarian tanpa bukti baharu.

Beliau yang merupakan bekas pegawai penyiasat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mencadangkan dalam keadaan semasa mungkin Kementerian Luar boleh bekerjasama dengan rakan-rakannya di Madagascar, La Reunion dan negara-negara barat daya Afrika.

"Kerajaan negara-negara yang terlibat boleh diminta untuk mengeluarkan notis memberitahu pihak berkuasa tempatan masing-masing di kawasan pantai sekiranya mereka menjumpai sebarang benda yang mungkin dikaitkan dengan pesawat malang itu.

"Ia mungkin membantu mengecilkkan kawasan lokasi terakhir pesawat," katanya.

Sementara itu, Geostrategis, Azmi Hassan berkata, sebarang usaha pencarian akan melibatkan kos yang tinggi dan dengan itu perlu ada bukti baharu yang cukup kuat untuk membolehkan pencarian semula dilakukan.

"Bukti baharu yang diuar-uarkan baru-baru ini sebenarnya banyak berlandaskan model arus laut berbeza yang juga digunakan sebelum ini," katanya.

Ringkasnya, tanpa sebarang bukti baharu, misteri terbesar dalam sejarah penerbangan dunia ini akan kekal tidak terungkai.

- Bernama

